

17/12/1997

THB Industries dibuka pada RM1.50

THB Industries Bhd (THB), anak syarikat Tongkah Holdings Bhd (Tongkah) yang membuat kemunculan sulung di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semalam, dibuka rendah pada RM1.50, berbanding harga tawaran RM2.50.

Pengerusi Eksekutif Tongkah, Mokhzani Mahathir, berkata situasi pasaran semasa yang tidak menentu mendorong kepada kejatuhan harga pasaran.

"Kami berharap harga pasaran akan meningkat dan kembali pulih sedikit masa lagi," katanya sempena penyenaiaan THB di Papan Utama BSKL, semalam.

Sebagai langkah mengembangkan operasinya, THB akan membuka kilang di China dan Filipina pada Jun depan dengan pelaburan bernilai RM1.2 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan THB, Koay Hean Eng, meramalkan keuntungan sebelum cukai kumpulan bagi tahun depan berjumlah RM16.3 juta.

Sempena penyenaiaannya, THB membuat tawaran 12.262 juta saham untuk jualan dengan peruntukan 10.49 juta bagi Bumiputera pada harga tawaran RM2.50.

Sewaktu ditutup semalam, sejumlah 7.84 juta saham diniagakan untuk ditutup pada RM1.53 dan diniagakan paling tinggi pada RM2.00 dan paling rendah RM1.50.

(END)